



ANTARA wanita warga asing yang disyaki menjalankan kegiatan pelacuran ditahan dalam serbuan di dua premis di kawasan apartmen kos rendah di Jalan Pudu, Kuala Lumpur, kelmarin.



ANTARA barang yang ditemui dalam bilik yang digunakan untuk aktiviti pelacuran di apartmen kos rendah di Jalan Pudu.

IMIGRESEN SERBU DUA RUMAH MERAH

DUA SHIFT BUAT DOSA

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kegiatan pelacuran wanita warga asing yang menggunakan apartmen kos rendah sebagai saran pelacuran terbongkar dalam dua serbuan di Jalan Pudu di sini, kelmarin.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Datuk Khairul Dzaiimee Daud berkata, pihaknya menyerbu dua premis 'rumah merah' secara serentak jam 3.30 petang dengan keluatan seramai 27 pegawai imigresen.

"Semasa serbuan, kami menahan penjaga untuk dibawa ke premis terbabit. Terdapat cubaan meloskan diri wanita warga asing berkenaan dan pelanggan na-



KHAIRUL Dzaiimee
mun gagal kerana semua jalan keluar sudah dikepung.
"Dalam serbuan ini, seramai 13 warga asing membebaskan lapan wanita warga Vietnam, empat wanita Indonesia serta seorang lelaki Vietnam berusia antara 20 hingga 40 tahun ditahan.

"Dua lelaki tempatan yang juga penjaga pintu dan enam

pelanggan warga tempatan pula dikenakan notis untuk hadir memberi keterangan," katanya.

Khairul Dzaiimee berkata, dua premis di apartmen kos rendah itu disyaki menjalankan kegiatan pelacuran ketika tempoh Pelan Pemuliharaan Negara (PPN).

Katanya, hasil risikan mendapati premis itu dikunjungi pelanggan tempatan dan warga asing dengan menawarkan paket perkhidmatan seks pada harga RM60 bagi satu langgaran.

"Modus operandi sindiket ini adalah pelanggan berjumpa penjaga pintu dan dibawa ke premis bagi tujuan pemilihan pelacur.

"Kegiatan pelacuran ini

terbahagi kepada dua shift iaitu shif pagi dari jam 7 pagi

hingga 3 petang dan shift

petang bermula dari 3 petang

hingga jam 9 malam.

"Kebiasaannya seorang pe-

lacur mampu melayan se-

hingga 14 pelanggan bagi sa-

tu shif," katanya.

Beliau berkata, antara kesalahan dikenal pasti adalah tiada dokumen pengenal-

diri, tinggal lebih masa dan

kesalahan lain yang melang-

gar Akta Imigresen 1959/63.

"Semua tahanan akan di-

tempatkan di Depot Taha-

nan Imigresen Semenyih,

Selangor untuk siasatan

mengikut Akta Pemerda-

gangan Orang dan Anti

Penyeludupan Migran

(Atipsom), Akta Imig-

resen 1959/63, Akta Pas-

port 1966 dan Peratu-

ran-Peraturan Imigresen

1963," katanya.

TERDAPAT jadual tugasan yang digantung di depan pintu bilik pelacur berkenaan.

